

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana SPAD boleh menyelesaikan masalah lori dan bas kilang parking secara haram di kawasan perumahan dan di tepi jalan di kawasan Parlimen Bayan Baru. Berapakah tindakan saman dan operasi yang dijalankan dari 2013 hingga 2017.

111

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) melaksanakan aktiviti penguatkuasaan terhadap semua mod kenderaan pengangkutan awam dan barangan mengikut rancangan operasi yang telah disediakan. Pelbagai aktiviti penguatkuasaan seperti Rondaan Berkenderaan, Operasi Khas serta Bersepadu serta Penempatan Secara Statik di lokasi strategik telah dilaksanakan dengan objektif untuk memastikan perkhidmatan pengangkutan sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan.
2. Konsep penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah dengan bantuan serta kerjasama agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis diRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pengendali-pengendali lebuhraya telah dilaksanakan sejak SPAD mula beroperasi pada tahun 2011.
3. Aktiviti pakir kenderaan berat di Taman-Taman Perumahan telah menjadi isu utama di hampir keseluruhan kawasan perumahan. Bahagian Penguatkuasaan SPAD sering menerima jemputan untuk mengadakan operasi bersama dengan PBT di seluruh negara. Namun, isu yang dihadapi tidak dapat di atasi sepenuhnya kerana pemandu-pemandu serta pengusaha kenderaan terus mengulangi kesalahan tersebut walaupun telah diambil tindakan.

112

4. Untuk makluman, pelbagai agensi penguatkuasa selain daripada SPAD boleh mengambil tindakan terhadap kenderaan berat yang diparkir di taman perumahan atau sisi jalan berdasarkan kepada bidangkuasa masing-masing. Bidang kuasa tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 48(1) dan 48(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987(APJ 1987) memberi kuasa kepada Pegawai JPJ, PDRM dan PBT untuk mengalih, mengapit atau menahan kenderaan yang menyebabkan galangan atau kesusahan kepada pengguna jalanraya;
- (ii) Seksyen 72 (APJ 1987) juga memperuntukan mengenai keperluan mengadakan tempat letak kereta dan tempat perhentian oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan atau Badan Awam bagi Kenderaan Perkhidmatan Awam atau Barangan;
- (iii) Seksyen 46 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 memperuntukan kepada PBT untuk mengambil tindakan atas kesalahan halangan di mana-mana tempat awam. Tempat larangan memakir tersebut hendaklah di wartakan, di tandakan dengan notis yang jelas dilihat; dan
- (iv) Seksyen 57(1)(b)(xiii) Akta PAD 2010 memperuntukan kepada Pegawai Dilantik, JPJ dan PDRM untuk mengambil tindakan atas kesalahan Melanggar Syarat Lesen yang telah ditetapkan iaitu kenderaan hendaklah disimpan ditempat yang ditentukan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semasa tidak digunakan.

5. Bagi penyelesaian jangka panjang, selain daripada operasi penguatkuasaan berterusan oleh agensi-agensi penguatkuasa, pihak PBT juga disaran untuk menyediakan Terminal Kenderaan Berat untuk mengelakkan kenderaan tersebut diparkir di kawasan perumahan yang boleh memberi implikasi negatif dan menimbulkan pelbagai masalah seperti kerosakan jalan, ancaman kepada keselamatan pengguna jalan raya, pencemaran udara dan bunyi kepada penduduk dan pemandangan yang tidak menyenangkan.

6. Garis panduan Pembinaan Terminal Kenderaan Berat telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia melalui Pekeliling Majlis Perancang Fizikal Negara Bilangan 15 Tahun 2013.

7. Di pihak SPAD, Bahagian Penguatkuasaan SPAD akan terus berkerjasama dalam setiap aktiviti penguatkuasaan melalui Operasi Bersepadu dari masa ke semasa.

8. Bagi wilayah utara secara khususnya, untuk makluman, sesi penerangan dan perbincangan yang melibatkan pihak SPAD, agensi-agensi penguatkuasaan lain dan Pengusaha Bas Kilang telah diadakan pada 3 Oktober 2017 yang lalu di Pejabat SPAD Wilayah Utara. Perkara-perkara berikut telah dipersetujui semasa perbincangan tersebut diadakan:

- (i) Menubuhkan jawatankuasa kecil pengangkutan bas pekerja di peringkat negeri Pulau Pinang;

114

- (ii) Melaksanakan Operasi Bersepadu berjadual dengan di ketuai oleh Majlis Bandaran Pulau Pinang; dan
- (iii) PBT akan mencari lokasi sesuai untuk kemudahan parkir.

Sekian, terima kasih.